



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **050101, 050102 dan 221508** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Tender Perkhidmatan Peralatan Perubatan <i>Mobile Multipurpose C-Arm System</i> Secara Sewaan Untuk Kegunaan Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Lima (5) Tahun <b>No. Tender : QT23000000017883</b>	75/2023	<u>Lawatan Tapak/Taklimat</u> Tarikh : 29 September 2023 (Jumaat) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Khaitam, Bahagian Perkembangan Perubatan, Aras1, Blok E1, Kompleks E, Putrajaya	Secara ePerolehan

**\* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **25 September 2023 (Isnin)** dengan melayari **[www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my)**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **20 Oktober 2023 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel / katalog / risalah sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

#### **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**